

Ada firma engg biayai rawatan

KUALA LUMPUR, Rabu -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini mendedahkan ada firma-firma yang sepatutnya mengambil insurans perubatan bagi kakitangan mereka sebaliknya mendapatkan rawatan percuma daripada hospital-hospital kerajaan.

Perdana Menteri berkata, keadaan ini berlaku kerana sistem yang ada pada masa ini tidak melarang sesiapa pun, sekalipun mereka yang mampu, mengelak daripada membuat pembayaran. Dalam konteks ini, kerajaan membuat keputusan menswastakan sebahagian daripada kemudahan sosial kerajaan.

Tetapi, katanya langkah itu bukanlah untuk menafikan kemudahan bagi golongan miskin untuk mendapat rawatan perubatan.

Sebaliknya, dengan cara pengswastaan itu, hanya golongan yang mampu menyediakan rawatan percuma itu. Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan mesyuarat saintifik bersama kedua anjuran Kolej Doktor-Doktor Ambedkar dan pakar bedah, di sini hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan, buat permulaan, pengswastaan hospital akan membolehkan kemudahan-kemudahan yang ada di hospital-hospital kerajaan digunakan oleh doktor swasta dengan dikenakan bayaran tertentu.

Bagaimanapun, katanya ini tidak membolehkan kerajaan menampung semua kos. Oleh itu, subsidi akan diberi oleh kerajaan. Ia sekurang-kurangnya dapat menampung dengan cukup sebahagian daripada kos yang dikeluarkan.

Hospital

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rawatan percuma di Malaysia telah menjadi beban yang berat meskipun dikenakan bayaran yang paling rendah. Tanda-tanda menunjukkan bahawa beban itu akan menjadi bertambah berat.

Perdana Menteri berkata, masalah perubatan bukanlah sepatutnya ditanggung oleh kerajaan semata-mata. Ia adalah masalah negara keseluruhannya. Secara rawatan yang diberi bukannya percuma. Rakyat membayarnya, walaupun bukan secara terus.

Soalnya, adakah wang

yang mereka belanjakan itu digunakan kepada mereka yang benar-benar memrlukannya? Sedangkan yang layak hanyalah golongan miskin.

Mungkin juga setengah syarikat malah syarikat insurans dan tabung-tabung menumpang kemudahan secara percuma itu.

Percuma

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ketika barang-barang yang digu-

nakan untuk membuat ubal hanya berharga beberapa sen, kerajaan mampu menyediakan rawatan percuma itu.

Tetapi hari ini kapsul antibiotik mungkin berharga beberapa ringgit setiap satu, menjadikan perubatan begitu mahal. Doktor dan pakar juga bukan murah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, di Malaysia, sebagai sebuah negara membangun, memerlukan perubatan moden yang terbaik sedangkan sumber-sumbernya adalah terhad.

"Sama ada suka atau tidak, kita ketinggalan di belakang dalam menyediakan kemudahan-kemudahan yang termoden," katanya.